



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

UCAP TAMA

OLEH

**YB DATUK AARON AGO DAGANG
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

**PERSIDANGAN TAHUNAN KALI KE-6
FORUM BANGSA MALAYSIA: MITOS ATAU REALITI**

4 NOVEMBER 2023 (SABTU)

10.00 PAGI

***INTERNATIONAL INSTITUTE OF ADVANCED ISLAMIC
STUDIES (IAIS)***

SALUTASI

***Salutati terkini disediakan secara berasingan.*

Salam Perpaduan and Salam Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Saya berasa amat bertuah kerana dapat bersama-sama hari ini bagi menyampaikan ucap tama berhubung topik **Bangsa Malaysia: Mitos atau Realiti**. Sebagai Menteri Perpaduan Negara, adalah menjadi matlamat saya untuk meningkatkan dan memperkukuh semangat perpaduan, keharmonian, dan muhibah dalam kalangan masyarakat pelbagai bangsa dan agama di negara ini.
2. Dahulu, kita menggunakan slogan seperti '*Malaysia Truly Asia*, '*One Malaysia*,' dan '*Warna Warni Malaysia*' untuk meraikan kepelbagaian budaya dan keharmonian rakyat Malaysia. Malaysia ialah sebuah negara kosmopolitan, mesra, progresif, pluralistik, berbilang etnik, agama dan bahasa dengan tradisi dan budaya yang kaya.

MALAYSIA MADANI MENDUKUNG BANGSA MALAYSIA

3. Konsep MADANI yang diperkenalkan oleh YAB Perdana Menteri telah dirangka sebagai ikhtiar untuk memetakan strategi pentadbiran negara secara berkesan, menekankan kepada pemerksaan ekonomi dan budaya, yang berteraskan nilai, etika atau akhlak. Ia berteraskan enam

rukun iaitu kemampanan, kesejahteraan, daya cipta, hormat, keyakinan dan ihsan.

4. Malaysia MADANI bertunjangkan sikap saling menghormati, meraikan kepelbagaian dan menjadi medan dialog peradaban. Kerangka Malaysia MADANI menjadi pemacu kewujudan masyarakat maju dan bertamadun berdasarkan ilmu pengetahuan, tradisi, khazanah dan kearifan tempatan. Konsep Malaysia MADANI diperkenalkan ini adalah sebagai usaha untuk mengemudi serta mengangkat semula martabat dan kegemilangan negara di persada dunia.
5. Jika diteliti, gagasan Malaysia MADANI ini juga berasaskan konsep negara Madinah yang berjaya menyatupadukan warga Madinah yang terdiri daripada pelbagai suku kaum melalui Piagam Madinah sebagai satu bangsa. Begitu juga dengan harapan kita dapat melahirkan satu Bangsa Malaysia di negara ini.

Hadirin yang dihormati sekalian,

TAKRIFAN BANGSA MALAYSIA

6. Pada 12 Julai 1971 ketika membentangkan Rancangan Malaysia Kedua (RMK2) dan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Tun Abdul Razak telah mengungkapkan, 'menyeru seluruh rakyat menumpukan khidmat bakti mereka dalam semangat Rukun Negara untuk membangunkan masyarakat yang adil saksama dan bangsa Malaysia yang maju, moden dan bersatu-padu'.

7. Hanya dua versi “bangsa” yang lazim digunakan secara umum. Yang pertama adalah merujuk kepada asal keturunan dan mempunyai maksud yang serupa dengan kaum manakala satu lagi maksud “bangsa” yang sering digunakan pula merujuk kepada “kumpulan manusia dalam satu ikatan ketatanegaraan”.

8. Apabila kita memperkatakan mengenai Bangsa Malaysia, sudah semestinya “bangsa” yang dimaksudkan di sini merujuk kepada “*Malaysian nation*” dan bukannya “*Malaysian race*”. Namun sering kali apabila membincangkan soal Bangsa Malaysia, para penentang konsep ini sering mencampur-adukkan kedua-dua definisi ini dan mendakwa bahawa Bangsa Malaysia adalah mustahil kerana Malaysia mempunyai rakyat dari pelbagai bangsa dan agama yang berbeza, atau mendakwa bahawa pembentukan satu Bangsa Malaysia akan melenyapkan identiti kaum seperti Melayu atau etnik-etnik lain.

9. Bangsa atau “*nation*” adalah suatu komponen penting dalam struktur ketatanegaraan moden yang dibina atas konsep negara bangsa atau “*nation state*”. Dalam bahasa mudah, negara (*state*) adalah “*hardware*” atau entiti yang menjalankan kuasa pentadbiran terhadap kawasan tertentu dan mempunyai kuasa kedaulatan ke atas kawasan tersebut dan penduduk dalam kawasan terbabit. Bangsa (*nation*) pula, seperti yang didefinisikan di perenggan sebelumnya, lebih menyerupai “*software*” yang penting untuk memastikan sebuah negara dapat berfungsi secara optimal.

10. Bagaimana pun, ungkapan Tun Abdul Razak kini semakin dilupakan. Konsep “Bangsa Malaysia” harus dibincangkan semula secara meluas bagi memastikan ia sebahagian usaha untuk mewujudkan identiti kebangsaan yang inklusif bagi semua penduduk Malaysia.
11. Tun Dr. Mahathir Mohamad, mantan Perdana Menteri Malaysia pernah menjelaskan bahawa Bangsa Malaysia adalah bangsa yang mampu mengenalpasti diri mereka dengan negara, bertutur dalam bahasa Malaysia dan menerima Perlembagaan Persekutuan (*"as people being able to identify themselves with the country, speak Bahasa Malaysia and accept the Federal Constitution."*)
12. Beliau turut pernah berkata bahawa sesebuah bangsa yang berjaya adalah mereka yang mempunyai asas identiti yang kukuh dan berjaya mengharungi cabaran. Pembinaan negara bangsa Malaysia merupakan matlamat semua. Impian untuk mewujudkan bangsa Malaysia hanya akan menjadi realiti apabila rakyat bersedia untuk menerima wawasan dan gagasan satu negara satu bangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

CABARAN UTAMA DALAM MEREALISASIKAN BANGSA MALAYSIA

13. Dalam pada itu, kerajaan dan kepimpinan negara-negara tertentu di dunia masih berusaha untuk membentuk sebuah negara bangsa yang ideal bagi sempadan geo-politik masing-masing. Malaysia tidak terkecuali dalam usaha tersebut dan masih berusaha untuk membentuk sebuah negara bangsa yang sempurna bagi negara ini.

14. Walaupun pelbagai usaha dilakukan oleh kerajaan dan pemimpin namun unsur-unsur penghalang yang kebanyakannya berakar umbikan sentimen perkauman masih membayangi sebahagian rakyat negara ini termasuklah pemimpin-pemimpin politik yang sepatutnya berperanan sebagai *role model* bagi mencapai matlamat tersebut.
15. Cabaran utama dalam merealisasikan Bangsa Malaysia di Semenanjung Malaysia tentunya disebabkan politik toksik perkauman yang dimainkan sekian lama oleh ahli-ahli politik. Politik perkauman inilah yang harus dibanteras dalam era Malaysia Madani sekiranya kita mahu bergerak ke hadapan dan meninggalkan era lama yang telah dicemari dengan permainan sentimen sempit yang memecah belahkan masyarakat di negara ini.
16. Justeru, perkara ini turut dibuktikan melalui sistem pelaporan yang telah dibangunkan oleh Kementerian Perpaduan Negara iaitu e-sepakat yang menunjukkan sebanyak 1, 188 kes direkodkan di bawah kluster calon dan kenyataan berbaur kebencian ketika Pilihanraya Negeri ke-15 baru-baru ini.
17. Persepsi ini masih menjadi isu dan polemik yang mendasari politik Malaysia sehingga kini. Seheinggakan dalam waktu-waktu tertentu terutamanya sebelum waktu Pilihanraya, isu-isu sensitif akan dibangkitkan semula sehingga menimbulkan keresahan kepada seluruh lapisan masyarakat. Atas dasar itulah dicadangkan penyelesaian kepada

masalah ini dengan beberapa pendekatan. Antara cadangan untuk menyelesaikan masalah ini ialah melalui;

- Penggunaan bahasa Melayu dipertingkatkan dalam sektor swasta dan awam
- Penekanan kepada sejarah latar belakang negara Malaysia supaya semua rakyat mengenali tentang evolusi pertumbuhan masyarakat Malaysia di negara ini.
- Keadilan sosial dijadikan asas kepada pembinaan bangsa Malaysia
- Keadilan sosial hanya boleh tercapai dalam satu sistem ekonomi yang tidak menekankan dan didorong kepada sifat kapitalisma yang tidak berperikemanusiaan
- Sistem budaya berasaskan kepada kepelbagaian (*diversity*)
- Kerajaan, media, badan korporat dan badan sektor ketiga bertanggungjawab untuk menghapuskan stereotype di kalangan masyarakat berbilang bangsa di negara ini.

18. Selain itu, cabaran seterusnya dalam membina bangsa Malaysia ialah bagaimana kita harus menyegarkan dan mengukuhkan keyakinan budaya dalam masyarakat. Keyakinan Budaya (*cultural confidence*) di kalangan masyarakat pelbagai kaum di Malaysia perlu dipupuk menerusi strategi pengakaran nilai-nilai budaya pada agama dan tradisi sendiri demi memelihara keutuhan jati diri dan keunggulan martabat bangsa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

MEMBINA “BANGSA IDAMAN” IAITU BANGSA MALAYSIA

19. Kepelbagaian adalah Malaysia dan Malaysia adalah kepelbagaian. Tiada kepelbagaian tiadalah Malaysia. Cabarannya ialah bagaimana berhadapan dengan naratif perkauman sempit yang masih di bibir sesetengah kita atas nama menjaga kepentingan masing-masing. Bukankah kepentingan kita adalah negara kita.

20. Jambatan keharmonian yang terbina atas kasih sayang dan saling percaya sesama kita, adalah asas dalam membina sebuah negara-bangsa yang sempurna. Ia bukanlah satu yang tugas mudah apatah lagi bagi sebuah negara seperti Malaysia. Dengan kepelbagaian kaum serta etnik yang berbeza dari latar sejarah, bahasa dan budaya serta sentimen warisan berbeza menyumbang kepada munculnya persoalan dan masalah yang kompleks.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENUTUP

21. Malaysia menjadi model terbaik dunia dalam kesungguhannya bertahan dengan kepelbagaian dan mengekalkan keamanan dan keharmonian. Peliharalah Malaysia dan pertahankanlah kepelbagaian kita, lambat laun negara ini akan bangkit jua menjadi sebuah negara yang disegani kawan dan lawan. Sehingga itu, teruslah kita merangkul kepelbagaian atas bahtera yang menjaminkan keamanan bersama.

Sekian, terima kasih.